



UMS lancar Pesta Ang Pow

TIMBALAN Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin (**tiga dari kiri**) bersama sebahagian pelajar universiti itu tertarik menyaksikan persembahan tarian singa selepas melancarkan Pesta Ang Pow UMS, di Kota Kinabalu, kelmarin.

Persembahan itu adalah sebahagian acara untuk menarik pelajar universiti berkenaan dan orang ramai di sekitar ibu negeri bagi menyaksikan pelbagai persembahan kebudayaan Pesta Ang Pow UMS di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Kota Kinabalu, Likas pada 16 Januari ini.

Pesta berkenaan bertemakan 'Colour Of Spring' dianjurkan Exco Kebudayaan dan Kesenian Persatuan Mahasiswa UMS sempena sambutan Tahun Baru Cina pada 22 dan 23 Januari.

Ia dijangka dirasmikan Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Hon Choon Kim.

Antara acara yang diatur pada pesta itu termasuk persembahan tarian singa Cina, Wushu, orchestra Cina dan tarian tradisional Cina.